



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**STATISTIK PERDAGANGAN PERKHIDMATAN ANTARABANGSA
(SITS) 2025**

Perdagangan Perkhidmatan mencatatkan lebih RM5.3 bilion pada tahun 2025, merekodkan lebih yang pertama sejak trend defisit yang berpanjangan dari tahun 2011

PUTRAJAYA, 25 JUN 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini menerbitkan Statistik Perdagangan Perkhidmatan Antarabangsa (SITS) 2025, yang memberikan gambaran menyeluruh mengenai aliran perdagangan perkhidmatan rentas sempadan negara. Jumlah perdagangan perkhidmatan Malaysia mencatatkan pertumbuhan dua digit sebanyak 11.5 peratus pada tahun 2025 dengan merekodkan nilai RM550.5 bilion (2024: RM493.6bilion). Nilai perdagangan perkhidmatan ini mewakili 27.2 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia pada harga semasa.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "**Eksport perkhidmatan** berkembang dengan ketara sebanyak 15.6 peratus kepada RM277.9 bilion pada tahun 2025 berbanding RM240.5 bilion pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini disokong oleh peningkatan penerimaan terutamanya dalam komponen Perjalanan, Perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat serta Perkhidmatan perniagaan lain. Manakala, **import perkhidmatan** meningkat secara sederhana sebanyak 7.7 peratus kepada RM272.6 bilion berbanding RM253.1 bilion pada tahun 2024 dengan peningkatan dalam komponen Perjalanan, Perkhidmatan perniagaan lain serta Perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat. Susulan itu, imbalan perdagangan perkhidmatan Malaysia beralih daripada defisit bersih sebanyak RM12.6 bilion pada tahun 2024 kepada lebih RM5.3 bilion pada tahun 2025, sekali gus merekodkan lebih perdagangan perkhidmatan pertama sejak tahun 2011 dan mencerminkan pertumbuhan eksport perkhidmatan yang lebih kukuh berbanding import."

Momentum eksport perkhidmatan terus mengukuh pada tahun 2025, disokong oleh pertumbuhan memberangsangkan dalam lima komponen utama iaitu Perjalanan, Perkhidmatan perniagaan lain, Pengangkutan, Perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat serta Perkhidmatan pembuatan ke atas input fizikal yang dimiliki pihak lain. Perjalanan kekal sebagai penyumbang terbesar kepada eksport perkhidmatan dengan sumbangan sebanyak 39.8 peratus daripada jumlah eksport perkhidmatan. Komponen ini merekodkan nilai eksport tertinggi yang pernah direkodkan iaitu RM110.6 bilion pada tahun 2025, meningkat ketara sebanyak 16.0 peratus berbanding tahun sebelumnya. Prestasi memberangsangkan ini sejajar dengan peningkatan ketibaan pelawat antarabangsa ke Malaysia yang mencecah 42.2 juta orang berbanding 38.0 juta orang pada tahun 2024. Sebahagian besar ketibaan adalah atas urusan peribadi dengan perbelanjaan tertumpu kepada aktiviti membeli-belah, penginapan serta makanan dan minuman. Dari sudut pelancongan keluar negara, perbelanjaan penduduk Malaysia bagi perjalanan ke luar negara meningkat 8.6 peratus kepada RM62.2 bilion, yang kebanyakannya melibatkan tujuan peribadi. Secara keseluruhan, lebih bersih perjalanan Malaysia meningkat daripada RM38.1 bilion pada tahun 2024 kepada RM48.4 bilion pada tahun 2025, disumbangkan oleh perbelanjaan pelawat asing yang lebih tinggi berbanding perbelanjaan rakyat Malaysia di luar negara.

Perkhidmatan perniagaan lain terus menunjukkan prestasi yang kukuh pada tahun 2025 dengan eksport meningkat daripada RM42.5 bilion pada tahun 2024 kepada RM49.6 bilion. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh perkhidmatan perundingan profesional dan pengurusan. Walau bagaimanapun, import bagi komponen ini berjumlah RM59.6 bilion, menghasilkan defisit bersih sebanyak RM7.0 bilion.

Sektor Pengangkutan terus menjadi antara penyumbang penting kepada eksport perkhidmatan Malaysia pada tahun 2025. Eksport bagi komponen ini meningkat 8.4 peratus kepada RM37.7 bilion berbanding RM34.8 bilion pada tahun sebelumnya. Peningkatan tersebut disokong oleh pertambahan penerimaan bagi semua mod pengangkutan, terutamanya pengangkutan udara yang menyumbang RM21.8 bilion. Sementara itu, import pengangkutan meningkat kepada RM66.9 bilion, menyebabkan defisit dagangan bagi komponen ini mengecil kepada RM29.2 bilion berbanding RM29.9 bilion pada tahun 2024.

Dalam kalangan komponen utama lain, Perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat mencatatkan lebih dagangan sebanyak RM2.3 bilion pada tahun 2025 dengan eksport bernilai RM31.0 bilion dan import RM28.7 bilion. Dalam komponen ini, subkomponen komputer merupakan penyumbang terbesar kepada kedua-dua eksport dan import, masing-masing bernilai RM15.7 bilion dan RM14.0 bilion, diikuti oleh subkomponen maklumat dan Perkhidmatan telekomunikasi. Prestasi ini mencerminkan perkembangan ekonomi digital Malaysia yang semakin pesat sejajar dengan pertumbuhan e-dagang, perkhidmatan jarak jauh serta pelaburan dalam infrastruktur digital seperti pengkomputeran awan dan pusat data. Perkhidmatan

pembuatan ke atas input fizikal yang dimiliki pihak lain merekodkan lebih dagangan sebanyak RM16.1 bilion pada tahun 2025, disokong oleh peningkatan eksport sebanyak 5.3 peratus kepada RM22.6 bilion dan pertumbuhan import sebanyak 30.3 peratus kepada RM6.6 bilion.

Selain itu, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan bahawa perdagangan perkhidmatan Malaysia pada tahun 2025 terus mencerminkan hubungan ekonomi yang kukuh dengan rakan dagang utama negara. Singapura terus kekal sebagai destinasi utama eksport perkhidmatan dengan nilai eksport meningkat 27.4 peratus tahun ke tahun kepada RM76.3 bilion pada tahun 2025, didorong terutamanya oleh komponen Perjalanan, Perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat serta Pengangkutan. Amerika Syarikat (AS) merupakan destinasi eksport kedua terbesar dengan nilai eksport RM42.9 bilion, yang sebahagian besarnya terdiri daripada Perkhidmatan pembuatan ke atas input fizikal yang dimiliki pihak lain, Perkhidmatan perniagaan lain serta Perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat. China pula berada di kedudukan ketiga dengan nilai eksport RM27.8 bilion, didominasi oleh komponen Perjalanan di samping Pengangkutan dan Perkhidmatan perniagaan lain.

Sementara itu, Amerika Syarikat merupakan sumber utama import perkhidmatan Malaysia dengan nilai import RM81.2 bilion berbanding RM76.6 bilion pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh permintaan dalam komponen Perjalanan, Perkhidmatan perniagaan lain dan Pengangkutan. Singapura merupakan sumber import kedua terbesar dengan nilai import meningkat kepada RM51.1 bilion berbanding RM46.5 bilion pada tahun 2024, dipacu oleh Pengangkutan, Perjalanan serta Perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat. China pula merupakan sumber import ketiga terbesar Malaysia, khususnya dalam komponen Pengangkutan, Perkhidmatan perniagaan lain dan Perkhidmatan pembuatan ke atas input fizikal yang dimiliki pihak lain.

Menurut *United Nations Conference on Trade and Development* (UNCTAD), perdagangan perkhidmatan global meningkat hampir 9.0 peratus pada tahun 2025, mengekalkan trend pertumbuhan yang berterusan. Secara keseluruhan, pertumbuhan eksport perkhidmatan Malaysia yang kukuh, khususnya dalam komponen Perjalanan, Perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat serta Perkhidmatan perniagaan lain adalah selari dengan trend global tersebut, menyerlahkan kedudukan Malaysia yang semakin kukuh dalam pasaran perkhidmatan antarabangsa.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia,

bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.


Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama** (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Carta 1: Perdagangan Perkhidmatan Antarabangsa Malaysia, 2015-2025



Carta 2: Sumbangan Perdagangan Perkhidmatan Antarabangsa Malaysia Share kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), 2015-2025



Paparan 1: Perdagangan Perkhidmatan Antarabangsa Malaysia mengikut Rantau, 2025



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
25 JUN 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

STATISTICS OF MALAYSIA'S INTERNATIONAL TRADE IN SERVICES (SITS) 2025

Services recorded a surplus of RM5.3 billion in 2025, reversing the prolonged deficit trend and marking the first services surplus since 2011

PUTRAJAYA, 25th JUNE 2026 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) today released the annual Statistics of Malaysia's International Trade in Services (SITS) 2025, providing a comprehensive view of the nation's cross-border services flows. Malaysia's total trade in services recorded a double-digit growth of 11.5 per cent, reaching RM550.5 billion in 2025 (2024: RM493.6 billion). This represents 27.2 per cent of the nation's Gross Domestic Product (GDP) at current prices.

According to the Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "**Exports of services** expanded significantly by 15.6 per cent, totalling RM277.9 billion in 2025 compared to RM240.5 billion in the preceding year. The growth was mainly supported by higher receipts from Travel, Telecommunications, computer and information services and Other business services. Meanwhile, **imports of services** grew moderately by 7.7 per cent, amounting to RM272.6 billion against RM253.1 billion in 2024, with increases notably in Travel, Other business services and Telecommunications, computer and information services. As a result, Malaysia's balance of trade in services recorded a turnaround from a net deficit of RM12.6 billion in 2024 to a surplus of RM5.3 billion in 2025, marking the first services trade surplus since 2011 and reflecting stronger growth in services exports relative to imports.

The services exports momentum strengthened further in 2025, underpinned by dynamic growth across five leading components, namely Travel, Other business services, Transport, Telecommunications, computer and information services and Manufacturing services on physical inputs owned by others. Travel remained the largest contributor to services exports, accounting for 39.8 per cent of total services exports. This component posted a record-high exports value of RM110.6 billion in 2025, reflecting a sharp 16.0 per cent increase from the previous year. The impressive growth was closely tied to the rise in international visitor arrivals to Malaysia, which surged to 42.2 million against 38.0 million in 2024. Most arrivals were personal-related, with spending concentrated on shopping, accommodation and food & beverages. On

the outbound tourism side, Malaysian residents' overseas travel expenditure rose by 8.6 per cent to register RM62.2 billion, largely for personal reasons. In overall, Malaysia's net travel surplus increased from RM38.1 billion to RM48.4 billion in 2025 contributed by greater inbound visitors spending relative to Malaysians' expenses abroad.

Other business services continued to strengthen in 2025, with exports increasing from RM42.5 billion in 2024 to RM49.6 billion. The growth was primarily supported by Professional and management consulting services. However, imports of Other business services amounted to RM59.6 billion, resulting in a net deficit of RM7.0 billion.

Transport services remained an important contributor to Malaysia's services exports in 2025, with export earnings rising by 8.4 per cent to RM37.7 billion from RM34.8 billion in the previous year. The increase was supported by higher receipts across all modes of transport, particularly air transport, which contributed RM21.8 billion. Meanwhile, imports grew to RM66.9 billion, resulting in a narrower trade deficit of RM29.2 billion compared to RM29.9 billion in 2024.

Among the other major components to services exports, Telecommunications, computer and information services recorded a trade surplus of RM2.3 billion in 2025 with an export of RM31.0 billion and imports at RM28.7 billion. Within this component, Computer services were the largest contributor to both exports and imports with RM15.7 billion and RM14.0 billion, respectively followed by Information and Telecommunications services. This shows Malaysia's expanding digital economy, following the growth of e-commerce, remote services, and investments in digital infrastructure such as cloud computing and data centres. Manufacturing services on physical inputs owned by others recorded a lower trade surplus of RM16.1 billion in 2025, supported by a 5.3 per cent increase in exports to RM22.6 billion and a 30.3 per cent rise in imports to RM6.6 billion.

In addition, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin explained that Malaysia's services trade in 2025 demonstrated strong bilateral ties with key trading partners. Singapore remained the leading destination for services exports, rising by 27.4 per cent year-on-year to RM76.3 billion in 2025, predominately in Travel, Telecommunications, computer and information services and Transport. The United States of America (USA) ranked second top exports destination, which accounted for RM42.9 billion in exports, mainly comprising Manufacturing services on physical inputs owned by others, Other business services, and Telecommunications, computer and information services. China secured the third position with RM27.8 billion in exports, dominated by Travel alongside Transport and Other business services.

Meanwhile, the USA was Malaysia's largest source of services imports, with a total value of RM81.2 billion, up from RM76.6 billion in the previous year. This was largely fuelled by demand in Travel, Other business services, and Transport. Singapore was the second largest source, with imports increasing to RM51.1 billion against RM46.5 billion in 2024, led by Transport, Travel, and Telecommunications, computer

and information services. China was Malaysia's third-largest source of services imports, particularly in Transport, Other business services and Manufacturing services on physical inputs owned by others.

According to the United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD), global services trade grew by nearly 9.0 per cent in 2025, continuing its long-term upward trend. In overall, Malaysia's significant growth in services exports, particularly in Travel, Telecommunications, computer and information services and Other business services, aligns with these global trends, highlighting the country's strengthening position in the international services market.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation's economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Malaysia's International Trade in Services (SITS), 2015-2025




Chart 2: Malaysia's International Trade in Services Share to Gross Domestic Product (GDP), 2015-2025





Exhibit 1: Malaysia's International Trade in Services by Region, 2025



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
25th JUNE 2026